

**PEKELILING KEWANGAN NEGERI
PERAK**



Semua Ketua Jabatan/
Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Negeri dan Persekutuan (yang berkaitan)
Perak Darul Ridzuan

**PEKELILING KEWANGAN NEGERI PERAK
BIL. 2 TAHUN 2008**

KAEDAH PUNGUTAN HASIL NEGERI MELALUI CEK

1. TUJUAN

- 1.1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai perubahan had amaun pungutan hasil melalui cek yang diterima oleh PTJ daripada peguambela dan peguamcara.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Pekeliling Kewangan Negeri Perak Bil. 4 Tahun 2007 telah menetapkan pungutan hasil melalui cek syarikat hanya dihadkan kepada RM1,000.00 sahaja.

- 2.2 Walau bagaimanapun, dengan pelaksanaan pekeliling ini Kerajaan Negeri telah menerima rayuan daripada peguambela dan peguamcara

kerana mereka punya ramai pelanggan yang berurusan dengannya. Mereka telah mengutip bayaran daripada pelanggan terlebih dahulu sebelum sesuatu bayaran dibuat kepada PTJ pemungut hasil.

- 2.3 Peguambela dan Peguamcara ini pula akan menyediakan satu cek untuk di bayar kepada PTJ hasil bagi pihak pelanggannya. Oleh itu menjadi kesulitan kepada mereka jika had RM1,000.00 ini digunapakai.

3. GARIS PANDUAN PUNGUTAN HASIL MELALUI CEK

- 3.1. Pekeliling ini menetapkan pungutan hasil melalui cek yang diterima dari peguambela dan peguamcara dihadkan kepada RM50,000.00 sahaja.

4. PELAKSANAAN

- 4.1 Dengan adanya pekeliling ini maka para 3.1 Pekeliling Kewangan Negeri Perak Bil. 4 Tahun 2007 dipinda seperti berikut:-

“ Bagi mengatasi/mengurangkan cek tak laku, Kerajaan Negeri telah menetapkan pungutan hasil melalui cek persendirian hanya dihadkan kepada RM300.00. Manakala cek syarikat hanya dihadkan kepada RM1,000.00 sahaja kecuali cek daripada peguambela dan peguamcara dihadkan kepada RM50,000.00 sahaja. Bayaran yang melebihi amaun tersebut boleh dibuat melalui wang tunai, kiriman wang, bank draf dan e-payment sahaja.”

- 4.2 Syarat-syarat lain dalam pekeliling masih kekal.

5. TARIKH KUAT KUASA

- 5.1 Pekeliling Kewangan ini berkuat kuasa serta-merta.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

tt

(DATO' JAMALLUDIN AL AMINI BIN HAJI AHMAD)

Pegawai Kewangan Negeri
Perak Darul Ridzuan.

17 Jun 2008

s.k Pengarah Audit Negeri
Perak Darul Ridzuan

Bendahari Negeri
Perak Darul Ridzuan

c:Pek.Pung. Hasil.2(2007)/znn.